

## Kefahaman Hadis Musykil oleh Golongan Islam Liberal

Nuraleya Abdul Hamid<sup>1</sup>, Latifah Abdul Majid<sup>2</sup> & Mohd Arif bin Nazri<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>nuraleyahamid93@gmail.com; <sup>2</sup>umilm@ukm.edu.my; <sup>3</sup>mohdarif@ukm.edu.my

<sup>1</sup> Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>2&3</sup> Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

### Abstrak

Golongan Islam liberal adalah golongan yang menyelesaikan sesuatu permasalahan dengan menggunakan akal fikiran tersendiri. Golongan ini lebih mementingkan kebebasan seseorang dalam menentukan sesuatu keputusan. Namun, kefahaman yang dibawa menimbulkan sesuatu kekeliruan atau salah faham dalam menafsirkan permasalahan. Oleh itu, artikel ini bertujuan menganalisis pandangan pemikiran golongan Islam liberal dalam memahami hadis musykil. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif dengan mengaplikasikan metode analisis dokumen yang terdiri daripada karya-karya golongan Islam liberal. Kajian ini mengkhususkan kepada isu-isu hak asasi wanita yang hangat diperdebatkan antaranya, isu menutup aurat, poligami, dan kepimpinan wanita. Hasil kajian ini mendapati bahawa pandangan pemikiran yang dibawakan oleh golongan Islam liberal bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunah.

**Kata Kunci:** *Golongan Islam liberal, Hadis Musykil, Al-Quran dan Al-Sunah, Kekeliruan.*

### Understanding The Musykil Hadith by The Liberal Islamist Group

### Abstract

The liberal Islamist group is a group that solves problems using their own thinking. This group concerns more on one's freedom in determining a decision. However, the understanding brought about a confusion or misunderstanding in interpreting the problem. Hence, this article is intended to analyses the thinking views of liberal Islamist group in understanding the musykil hadith. This study is a qualitative research applying document analysis method that comprises the writings of liberal Islamist group. This study focuses specifically on issues of women's rights that are highly debated such as covering the aurah, polygamy, and women leadership. The findings show that the thinking views of liberal Islamist group are against the al-Quran and al-Sunah.

**Keywords:** *Liberal Islamist Group, Musykil Hadith, Al-Quran and Al-Sunah, Confusion.*

### 1. Pengenalan

Dalam meniti arus kemodenan ini, pelbagai pandangan dan pemikiran yang muncul akhir-akhir ini. Pemikiran yang mentafsirkan sesuatu keadaan dengan menggunakan akal fikiran sendiri iaitu golongan Islam liberal. Ulil Abshor Abdalla ialah seorang yang aktif dalam mengendalikan Jaringan Islam Liberal di Jakarta, Indonesia mengatakan, liberal ditakrifkan dengan dua makna, iaitu kebebasan dan pembebasan. Selain itu, beliau menjelaskan liberal dalam kelompok umat Islam ini melihat kepada agama Islam yang menganjurkan kebebasan kepada seseorang dan pembebasan daripada sosial politik yang menghancurkan (Budi 2007). Ini membuktikan bahawa golongan Islam liberal adalah golongan yang pentingkan kebebasan.

Di samping itu, menurut Ugi Suharto (2007), Islam liberal yang dimaksudkan dengan pemikiran Islam liberal adalah merupakan satu aliran pemikiran baru di kalangan umat Islam. Tambahan pula, di Malaysia gerakan Islam liberal tidak mempunyai kumpulan khas yang menunjukkan nama Islam liberal tersendiri. Akan tetapi, pemikiran bersifatkan fahaman Islam liberal yang menonjol seperti mana mereka memperjuangkan demokrasi, persamaan semua agama dan persamaan hak antara wanita dan lelaki. Antaranya, pada tahun 1980, satu pertubuhan NGO telah ditubuhkan yang digelar sebagai Sister in Islam (SIS) dipimpin oleh Zainah Anwar.

Sementara itu, pertubuhan SIS ini dianggotai oleh barisan wanita-wanita profesional. Malah, pertubuhan ini memperjuangkan hak-hak wanita Muslim yang berpandukan gaya hidup feminis Barat (Yumni dan Fairuz 2014). Buktinya, pada tahun 2000 kerajaan Terengganu telah menjalankan satu peraturan terhadap

kaum wanita Islam agar mereka diwajibkan menutup aurat. Tetapi, pertubuhan SIS berpendirian tegas bahawa pihak berkuasa tidak sepatutnya memaksa untuk menutup aurat. Malah, jika dikenakan tindakan undang-undang sekalipun ia tidak akan menambah ketakwaan seseorang. Bagi mereka agama bergantung atas iman dan kesanggupan seseorang ([www.sistersinislam.com](http://www.sistersinislam.com) 1997).

Sementara itu, perbahasan dalam hadis musykil juga tidak kurang hebatnya menjadi isu perdebatan pada masa kini, yang menjadi salah satu punca golongan Islam liberal mempertikaikan sunah Rasulullah SAW. Hadis musykil adalah sebuah hadis yang pada zahirnya kelihatan bercanggah dengan kaedah-kaedah, sehingga menimbulkan kefahaman makna yang salah atau bercanggah dengan nas syarie yang lain (Nur al-Din 'Itr t.th). Selain itu, perbahasan hadis musykil pernah terjadi pada zaman para sahabat terdahulu, terdapat golongan-golongan yang menyeleweng sunah Rasulullah SAW antaranya golongan muktazilah, khawarij, jahmiyyah dan sebagainya. Seterusnya, hadis musykil dijadikan bahan kepada golongan Islam liberal untuk menyambung penyelewengan golongan terdahulu bagi mempertikaikan sunah Rasulullah SAW.

Selain itu, golongan yang mengaku menganut fahaman Islam Liberal , adalah golongan yang tidak terikat dengan mana-mana pandangan dan pendapat serta aliran pemikiran kerana mereka bersifat kebebasan. Sebagai contoh, terdapat beberapa hadis Rasulullah SAW yang pada zahirnya kelihatan seperti merendah-rendahkan dan menghina kaum wanita. Hadis-hadis seperti ini sangat masyhur digunakan oleh para orientalis untuk mengkritik Islam dan sebahagian besar hadis-hadis musykil mengenai wanita adalah sangat daif. Antaranya hadis “Aku melihat dalam neraka kebanyakannya adalah wanita”.

Hadith daripada Abu Sa' id al-Khudri riwayat al-Bukhari:

خَرَجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَضْحَى أَوْ فَطْرَ إِلَى الْمُصَلَّى، فَقَالَ: يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ تَصَدَّقُنَّ فَإِيَّيِّ أَرِيَثُكُنَّ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ فَقُلُّنَّ: وَبِمِ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: تُكْثِرُنَّ اللَّعْنَ، وَتُكْفِرُنَّ الْعَشِيرَةَ، مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتٍ عَقْلٌ وَدِينٌ أَذْهَبَ لِلْرَّجُلِ الْحَازِمِ مِنْ إِخْدَانِكُنَّ، فَقُلُّنَّ: وَمَا نُفَصَّانُ بَيْنَنَا وَعَفَّنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلُ نِصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ فَلْنَ: بَلَى، قَالَ: فَذَلِكِ مِنْ نُفَصَّانَ عَقْلَهَا، أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتِ لَمْ تُصْلَّ وَلَمْ تَصُمْ فَلْنَ: بَلَى، قَالَ: فَذَلِكِ مِنْ نُفَصَّانَ بَيْنَهَا.

Maksudnya:

Rasulullah SAW keluar pada hari raya Aidiladha atau Aidilfitri menuju tempat sembahyang, kemudian baginda melalui tempat sembahyang wanita, baginda bersabda: “Wahai sekalian wanita, bersedekahlah kalian, sesungguhnya aku melihat kalian adalah penduduk neraka paling banyak. Para wanita bertanya: “Apa puncanya wahai Rasulullah SAW?” Baginda menjawab: “Kalian banyak melaknat dan tidak bersyukur kepada suami. Tiada aku lihat golongan yang lemah akal dan agamanya yang dapat menghilangkan fikiran lelaki yang cerdas kecuali kalian”. Mereka bertanya: “Apa kekurangan akal dan agama kami wahai Rasul Allah SAW?” Baginda menjawab: bukankah kesaksian seorang wanita sama dengan setengah kesaksian lelaki? Mereka menjawab: betul wahai Rasul Allah SAW Baginda bersabda: “Itulah kekurangan akalnya”.

(Al-Bukhari, Sahih Bukhari, kitab al-Siyam, bab Tarku Al-Haid Al-Saum, no. 298)

Menurut kajian yang bertajuk “Hadis “Anti Wanita” berkenaan dengan Kehidupan Rumah tangga: Kajian Kritik terhadap Feminis Liberal” oleh Mohd Akil et.al (2011) terdapat hadis yang disalah fahamkan oleh Para aktivitis feminis liberal mengecam bahawa hadis ini menjatuhkan kedudukan wanita, seolah-olah perempuan adalah makhluk yang paling jahat sehingga mereka menjadi penghuni neraka paling banyak, sementara jika diperhatikan realiti yang ada, kebanyakan kaum wanita selalu tertindas oleh kekejaman lelaki, terutamanya dalam rumah tangga.

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas dalam sebuah hadis:-

أَشْهَدُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَوْ قَالَ عَطَاءُ: أَشْهَدُ عَلَى ابْنِ عَبَّاسٍ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - خَرَجَ وَمَعْهُ بَلَالٌ، فَظَاهَرَ أَنَّهُ لَمْ يُسْمَعْ فَوْعَاظَهُنَّ وَأَمْرَهُنَّ بِالصَّدَقَةِ، فَجَعَلَتِ الْمَرْأَةُ ثُلْقِيَ الْقُرْطَ وَالْخَاتَمَ، وَبِلَالٌ يَأْكُدُ فِي طَرَفِ ثُوَبِهِ.

Maksudnya:

Aku menyaksikan bahawa Nabi SAW- sedang menurut Atho, dia berkata; aku menyaksikan Ibnu Abbas berkata;- bahawa Nabi SAW keluar bersama bilal, dan dia mengira bahawa dia tidak mendengar, maka Nabi SAW memberi pelajaran kepada para wanita dan memerintahkan untuk

bersedekah, maka seorang wanita memberikan anting dan cincin emas nya, dan Bilal memasukkannya ke saku bajunya.

(Al-Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab <sup>c</sup>Ilmu, Bab ‘azh al-imam al-nisa’ wata’alimihin, no 98)

Pada hakikatnya, menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas ini, Imam al-Bukhari menjelaskan bahawa anjuran untuk memberikan nasihat bukan hanya merupakan tugas ketua keluarga saja, tetapi juga kepada seseorang pemimpin ataupun wakilnya untuk memberikan nasihat kepada mereka. Hal ini diambil dari perkataan Ibnu Abbas, “Kemudian beliau memberikan nasihat kepada kaum wanita”. Nasihat tersebut ialah, sabdanya: “Saya melihat bahawa sebahagian besar dari kamu (kaum wanita) menjadi penghuni neraka, kerana kamu sering melakukan sumpah palsu (li’an) dan menderhaka kepada suami”. Pernyataannya bahawa Rasulullah SAW telah memberikan pelajaran kepada mereka berdasarkan perkataan Ibnu Abbas, “Dan memerintahkan untuk bersedekah” dari sini dapat disimpulkan bahawa Rasulullah SAW mengajar kepada kaum wanita bahawa sedekah dapat menghapuskan dosa atau kesalahan yang telah dilakukan (Fathul Bari 2009).

Selain itu, golongan Islam liberal juga mengeluarkan hadis-hadis sahih yang lain untuk mempertikaikan sunnah yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan memperjelaskan dengan fahaman mereka sendiri menggunakan akal. Justeru itu, kajian ini menerangkan fahaman golongan Islam liberal dalam memahami hadis musykil dan menghususkan kepada isu-isu hak asasi wanita.

## 2. Metodologi Kajian

Jenis kajian ini adalah kajian interpretasi terhadap pemikiran golongan Islam liberal. Maka, kajian ini berbentuk kualitatif. Metode pengumpulan data bagi kajian ini adalah analisis dokumen yang terdiri daripada karya-karya golongan Islam liberal tersendiri antaranya, buku, artikel, dan laman web Sisters in Islam (SIS) www.sistersinislam.com dan web Islam liberal www.islamlib.com , bagi meneliti pemikiran yang dilontarkan untuk menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan. Kajian ini menjadikan sumber dokumen sebagai sumber primer bagi meneliti pemikiran golongan Islam liberal terhadap isu-isu tersebut. Oleh sebab itu, kajian ini mengumpul beberapa karya-karya golongan Islam liberal yang menjelaskan mengenai isu-isu tersebut, ataupun karya-karya lain yang berkaitan dengan tujuan kajian. Di samping itu, kajian-kajian lepas yang membahaskan tentang pemikiran golongan Islam liberal turut dijadikan sebagai sumber pelengkap data kajian dan penjelasan keseluruhan bagi merungkaikan fahaman pemikiran golongan ini iaitu al-Quran dan al-Sunah yang berlandaskan Islam sebenar.

## 3. Menutup Aurat

Menutup aurat adalah satu tuntutan syariat Islam kepada wanita Islam. Ini kerana, ia merupakan fitrah yang semula jadi bagi setiap wanita Islam. Ia bertujuan memelihara maruah seseorang wanita Islam dan wanita-wanita yang bukan Islam atau wanita-wanita yang tidak memelihara maruah mereka sebagai wanita Islam (Suryadi 2014).

Perbezaan terhadap sesetengah istilah dalam Islam menjadikan perkataan tersebut sama maksudnya, sedangkan ia berbeza. Terdapat beberapa istilah yang menunjukkan golongan Islam liberal menyamakan maksud perkataan tersebut antaranya, perbezaan dalam hak dan tanggungjawab, hak bermaksud sesuatu yang ditentukan oleh seseorang mengikut kemahuannya sendiri tanpa paksaan sesiapa. Manakala, tanggungjawab bermaksud sesuatu yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang untuk melaksanakan, kerana itu adalah satu kewajipan. Contohnya dalam isu menutup aurat, golongan Islam liberal berpendapat menutup aurat adalah hak seseorang wanita sedangkan itu sebenarnya yang dituntut dalam Islam. Merujuk kepada hadis musykil yang dipertikaikan adalah:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا رَأَيْتَ حَادِثَةً أَوْ أَجِيرَةً فَلَا يَنْظُرْ إِلَى مَا ذُوَنَ السُّرَّةِ وَفَوْقَ الرُّكْبَةِ

Maksudnya:

Dari Nabi SAW beliau bersabda: "Jika salah seorang dari kalian menikahkan pembantunya (budak wanita) dengan budak laki-lakinya atau pekerjanya, maka janganlah ia melihat apa yang ada di bawah pusat dan di atas lutut."

(Sunan Abu Daud, kitab al-libas, bab fi qawluh <sup>c</sup>azawajala waqala lilmu’minat yaqhdadana min ‘absarahin, no 3587).

Berdasarkan hadis di atas, Zainudin Idris (2004), menyatakan bahawa aurat yang wajib ditutup oleh kaum wanita adalah kemaluan depan dan belakangnya sahaja. Pandangan yang dilontarkan oleh Zainudin Idris

ini tanpa melihat kepada hadis-hadis sahih yang lain di mana hadis lain menegaskan bahawa wajib menutup aurat keseluruhannya, akan tetapi beliau menafsirkan dengan menggunakan akal sendiri dengan berpandukan hanya satu hadis sahaja (Hafiz Firdaus 2007). Malah, bagi golongan ini juga terpulang kepada individu tersebut hendak menutup aurat ataupun tidak dan tidak ada sesiapapun berhak dalam menentukan sesuatu. Pada hakikatnya, aurat adalah tanggungjawab setiap individu Muslim dan setiap Muslim wajib melaksanakan tanggungjawab dalam menjaga aurat masing-masing. Seperti mana firman Allah SWT:

Maksudnya:

Dan katakanlah kepada para perempuan yang beriman, agar mereka menjaga pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya), kecuali yang (biasa) terlihat. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kerudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya).

(al-Quran Surah al-Nur 24: 31)

Berdasarkan ayat di atas jelaslah bahwasanya Islam telah menggariskan beberapa panduan khususnya kepada kaum wanita agar menjaga aurat daripada terjerumus ke dalam perzinaan. Selain itu, Allah S.W.T. telah menegaskan kepada kaum wanita agar menutup aurat dan memelihara kehormatan diri (Rahimah 2012). Menurut Yumni dan Fairuz (2014) mengatakan di Malaysia terdapat gerakan yang mempertahankan hak kaum wanita daripada menutup aurat iaitu, gerakan SIS. Di samping itu, gerakan SIS juga menganjurkan konsep kesopanan dan kesederhanaan dalam berpakaian. Melalui isu ini, SIS menekankan bahawa kaum wanita Islam dituntut supaya memakai pakaian yang hanya menutup kemaluhan ataupun pakaian yang dirasakan sopan walaupun tanpa memakai tudung. SIS berhujah dengan ayat suci al-Quran, sebagaimana firman Allah SWT: Maksudnya:

Wahai anak cucu Adam! Sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutupi aurat mu dan untuk perhiasan bagi mu. Tetapi pakaian takwa, itulah yang lebih baik. Demikianlah sebahagian tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka ingat.

(al-Quran Surah al-A'raf 7: 26)

SIS juga berhujah dengan ayat al-Quran yang lain. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

Wahai anak cucu Adam! Pakailah pakaian mu yang bagus pada setiap memasuki masjid.

(Surah al-A'raf 7: 31)

Berdasarkan kedua-dua ayat tersebut, SIS (1997) menganggap bahawa dalam menutup tubuh badan, Islam hanya menekankan umatnya menutup keaiban iaitu kemaluhan. Demikian itu, SIS mengatakan apa yang lebih penting ialah al-Quran menekankan kepentingan takwa berbanding dengan kain yang menutupi tubuh badan. Selain itu, SIS turut menentang penguatkuasaan kod etika pakaian sebagai melanggar hak asasi manusia. SIS menegaskan pihak berkuasa tidak sepatutnya menggunakan paksaan dalam menentukan atau menunaikan hasrat mereka untuk melihat wanita Islam menutup aurat. Oleh yang demikian, bagi gerakan SIS ini, agama bergantung kepada iman dan kemahuan seseorang. Dengan mengenakan tindakan undang-undang terhadap pemakaian tidak semestinya akan menambahkan ketakwaan umat Islam ([www.sistersinislam.org.my](http://www.sistersinislam.org.my) 2000). Melihat hadis berikut:

عَنْ أُبَيِّ هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكُنْ يَنْظُرُ إِلَى فُقُولِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah Radhiyallahu ‘anhу, ia berkata: Nabi Shallallahu ‘alaihi wassalam telah bersabda, ”Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada rupa kalian, juga tidak kepada harta kalian, akan tetapi Dia melihat kepada hati dan amal kalian”.

(Al-Bukhari, Sunan al-Kubra, Kitab al-Solat, Bab la yujawizu basarahu mawdi’sujudih,no 3542).

Hadis di atas menjelaskan Allah SWT tidak memandang kepada rupa parus mahupun harta seseorang, akan tetapi Allah SWT melihat kepada hati dan amal. Dengan ini, kebanyakan kaum Muslim termasuklah golongan Islam liberal sendiri memahami hadis dengan fahaman yang salah yakni dengan menganggap dalam menutup aurat mahupun bertudung adalah hak individu tersebut, ini kerana jika tidak menutup aurat tidak semestinya ketakwaan seseorang itu berkurang. Sedangkan jika hati dan amal seseorang itu baik dan ketakwaan kepada Allah SWT melebihi segala-galanya, seseorang akan melakukan apa sahaja yang diperintahkan oleh Allah SWT dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah SWT.

#### 4. Kepimpinan Wanita

Kepimpinan bermaksud satu tindakan yang memfokuskan kepada sumber-sumber yang menuju ke arah matlamat yang benar (Ismail 2000). Manakala, seseorang pemimpin merupakan seorang yang mempunyai pelbagai sifat penting yang dapat membandingkan mereka dengan manusia yang lain dalam masyarakat. Mereka juga dianggap sebagai seorang yang agung dalam masyarakat, negara dan bangsa. Pemimpin tersebut dianggap agung disebabkan memiliki sifat yang baik dan diterima oleh masyarakat. Sebagai contoh, sifat keberanian, kebaikan, keikhlasan, kesungguhan serta kekuatan pemikiran. Dengan adanya sifat sebegini, pemimpin tersebut dapat memimpin masyarakat ke arah pencapaian yang sejagat (Ramlah 1999).

Dalam isu kepimpinan, memandangkan pada zaman kini kebanyakan wanita memberi sumbangan kepada pembangunan negara dengan menyertai pelbagai aktiviti dalam setiap bidang dan menjawat jawatan setanding dengan kaum lelaki seperti dalam politik, sosial, pentadbiran dan sebagainya. Jadi, keinginan mereka yang mahu setanding dengan kaum lelaki dalam apa jua bidang dan jawatan tersebut, mereka mahu jadikan lebih serius seperti setiap yang kaum lelaki lakukan, mereka juga mahu wanita boleh lakukan terutama dalam kepimpinan. Merujuk hadis tentang Ummu Waraqah iaitu:

وَكَانَتْ قَدْ جَمَعَتِ الْقُرْآنَ وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَمَرَهَا أَنْ عَنْ أُمِّ وَرَقَةَ بِنْتِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ الْأَنْصَارِيِّ  
تَوْمَ أَهْلَ دَارِهَا وَكَانَ لَهَا مُؤْمِنٌ وَكَانَتْ تَوْمَ أَهْلَ دَارِهَا

Maksudnya:

Dari Ummu Waraqah binti Abdullah Bin Al Harits Al Anshari dan ia pernah ikut mengumpulkan Al-Qur'an, sedangkan Nabi shallallahu 'alaihi wassalam telah memerintahkan kepadanya untuk memimpin solat keluarganya, ia mempunyai tukang azan dan ia menjadi imam di rumahnya." (Imam Ahmad, Musnad Ahmad, kitab musanad al-qaba'il, bab hadith 'um waraqah bint 'abd allah bin al-harith al'ansarii radi, no 26023).

Berdasarkan hadis ini, Amina Wadud menjadikan hadis di atas sebagai bukti bahawa wanita boleh menjadi pemimpin seperti mana yang diperintahkan oleh Nabi SAW kepada Ummu Waraqah supaya melaungkan azan serta menjadi imam solat untuk keluarganya di rumah (<http://muftiwp.gov.my> 2017). Tokoh Islam liberal iaitu, Amina Wadud pernah menjadi imam ketika solat Jumaat di sebuah gereja Manhattan, New York, Amerika Syarikat. Malah, beliau juga turut membaca khutbah dan setiap saf dalam solat Jumaat tersebut dicampur di antara lelaki dan wanita. Berdasarkan hadis yang disampaikan oleh Abu Bakrah iaitu:

عَنْ أُبَيِّ بَكْرَةَ قَالَ لَقَدْ نَعَنْتِي اللَّهُ بِكَلِمَةٍ سَمِعْتُهَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيَامَ الْجَمَلِ بَعْدَ مَا كِدْتُ أَنْ الْحَقَّ بِأَنْصَابِ  
الْجَمَلِ فَاقْتَلَيْتُ مَعْهُمْ قَالَ لَمَّا بَلَغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ أَهْلَ فَارِسَ قَدْ مَلَكُوا عَلَيْهِمْ بِنْتُ كَسْرَى قَالَ لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ  
وَلَوْا أَمْرُهُمْ امْرَأٌ.

Maksudnya:

Dari Abu Bakrah beliau berkata: Sesungguhnya Allah SWT telah memberikan manfaat kepada ku dengan suatu kalimat yang pernah aku dengar dari Rasulullah SAW iaitu pada waktu perang Jamal tatkala aku hampir bergabung dengan para penunggang unta lalu aku ingin berperang bersama mereka. Beliau berkata: 'Tatkala sampai kepada Rasulullah SAW, bahawa penduduk Persia telah di pimpin oleh seorang anak perempuan puteri raja Kisra, beliau bersabda: "Suatu kaum tidak akan beruntung, jika dipimpin oleh seorang wanita."

(Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, kitab Al-Maghazi, bab Kitab Al-Nabi 'ila Kisra wa Qaisar, no 4073).

Melalui hadis di atas, Fatima Mernisi mengatakan golongan Islam liberal mempertikaikan hadis ini dengan dua keadaan. Pertama, tentang kedudukan hadis tersebut sebagai hadis *Ahad*. Kedua, Abu Bakrah bersifat mementingkan diri ketika menyampaikan hadis tersebut. Pertikaian ini berpunca daripada kalimah *Nafa'ani* yang menunjukkan wujudnya sifat kepentingan diri dalam menyampaikan hadis. Oleh itu, hadis tersebut tidak boleh diterima sebagai hujah untuk melarang kaum wanita dalam hal kepimpinan (Khalif Muammar 2009).

## 5. Poligami

Poligami merupakan sebuah perkahwinan yang banyak iaitu perkahwinan yang mana seorang lelaki mengahwini beberapa orang wanita dalam waktu yang sama. Poligami juga merupakan lawan kepada monogami, iaitu sebuah perkahwinan yang membenarkan seorang suami mempunyai hanya seorang isteri pada satu waktu (Marzuki t.th). Selain itu, poligami dibenarkan di dalam Islam dengan berdasarkan penurunan ayat al-Quran daripada Allah SWT. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

Dan jika kamu takut tidak dapat berlaku adil terhadap anak-anak yatim (perempuan), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan daripada perempuan (lain); dua, tiga, ataupun empat. Kemudian, jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, ataupun (kahwinlah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat supaya kamu tidak melakukan kezaliman.

(al-Quran Surah al-Nisa' 4:3)

Berdasarkan ayat di atas, poligami dibenarkan dalam Islam dengan meletakkan keutamaan jika mampu bersikap adil kepada isteri-isteri maka dibolehkan untuk berpoligami. Malah, golongan Islam liberal menolak poligami dengan menyatakan ini merupakan ketidakadilan terhadap kaum wanita. Terdapat hadis yang menggambarkan bahawa Rasulullah SAW seakan melarang Sayidina Ali daripada menduakan Fatimah:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ وَهُوَ عَلَى الْمُنْبِرِ: إِنَّ بَنِي هَشَامَ بْنَ الْمُغَيْرَةِ اسْتَأْذَنُوا فِي أَنْ يُنْكِحُوا ابْنَتَهُمْ عَلَيَّ  
بَنَ أُبَيِّ طَالِبٍ، فَلَا أَدْعُ، ثُمَّ لَا أَدْعُ، إِلَّا أَنْ يُرِيدَ أَبْنُ أُبَيِّ طَالِبٍ أَنْ يُطْلِقَ ابْنَتِي وَيُنْكِحَ ابْنَتَهُمْ، فَإِنَّمَا هِيَ بَضْعَةُ  
مِنِّي، يُرِينِي مَا أَرَابَهَا، وَيُؤْذِنِي مَا آذَاهَا هَكَذَا قَالَ.

Maksudnya:

Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda sedangkan beliau berada di atas mimbar: “Sesungguhnya bani Hisyam bin Al Mughirah meminta izin kepada ku agar aku menikahkan anak wanita mereka dengan Ali bin Abu Thalib, namun aku tidak mengizinkan kepada mereka, kecuali jika Ali bin Abu Thalib menceraikan anakku lalu menikahi anak wanita mereka. Sesungguhnya anakku (Fathimah) adalah bagian dari ku, aku merasa senang dengan apa saja yang menyenangkannya dan aku merasa disakiti atas semua yang menyakiti nya.”

(Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, kitab al-nikah, bab dhb al-rajul ‘an ibnatih fi al-ghyrah wal-iinsaf, no 4829).

Melalui hadis ini, SIS berpendirian bahawa secara jelasnya Nabi SAW menghalang Sayidina Ali Ibn Talib iaitu menantunya daripada mengahwini isteri yang kedua selagi mana Fatimah iaitu anak Nabi SAW masih bergelar isterinya. Malah, SIS menyatakan bahawa Nabi S.A.W. secara peribadinya mengerti apa yang dikatakan monogami dan Nabi SAW sendiri monogami selama 28 tahun sebelum beliau kehilangan Khadijah iaitu isteri pertamanya. Nabi SAW berpoligami setelah kewafatan Khadijah dan bertujuan menyebarkan mesej Islam kepada masyarakat (Zaitun 2008). Selain itu, bagi menguatkan lagi hujah mereka, SIS membangkitkan isu poligami ini dengan perhambaan. Menurut SIS, isu poligami sama dengan perhambaan apabila SIS melihat pada pandangan tokoh Islam liberal di luar negara iaitu Mumtaz Ali dan Sayid Ahmad Khan yang beranggapan bahawa poligami seumpama institusi yang diamalkan pada masa dahulu, dan pada masa kini perlu diberikan ruang kepada monogami (Zaitun 2008).

Dalam permasalahan berkaitan isu berpoligami, golongan Islam liberal menentang sekeras-kerasnya mengenai konsep poligami. Penentangan ini sudah lama diperjuangkan oleh modenisme Arab serta feminis Islam. Tokoh Islam liberal di Arab Mesir, iaitu Qosim Amin menegaskan bahawa poligami adalah satu tindakan yang melanggar hak kemanusiaan malah memberi penghinaan terhadap kaum wanita. Selain itu, beliau mengatakan poligami boleh menyebabkan pelbagai masalah seperti pergaduhan di antara isteri-isteri dan anak-anak, kes penceraian dan sebagainya. Daripada apa yang dilontarkan oleh Qosim Amin turut tidak dipersetujui oleh golongan Islam liberal yang lain. Malah, menurut mereka Islam sebenar juga tidak memperkenankan konsep poligami (Eko 2006). Mereka berhujah dengan melihat pada firman Allah SWT:

Maksudnya:

Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang

tergantung (di awan-awan); dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(al-Quran Surah al-Nisa' 4: 129)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, golongan ini berpandangan bahawa al-Quran menganjurkan amalan monogami bukan poligami. Malah, jelas disebutkan dalam ayat tersebut seseorang lelaki tidak mungkin dapat berlaku adil jika poligami (Yumni dan Fairuz 2014). Di Malaysia, konsep poligami juga ditolak. Menurut Nik Noraini, iaitu salah seorang daripada ahli SIS, mengatakan pengamalan poligami sebenarnya berasal daripada masyarakat jahiliah. Dan ini merupakan sesuatu yang tidak disyariatkan dalam Islam. Di samping itu, Siti Musdah Mulia menyebut di dalam buku beliau yang bertajuk, *Islam Menggugat Poligami*, konsep atau amalan poligami hendaklah dihapuskan seperti mana pemansuhan sistem penghambaan dalam Islam. Justeru itu, golongan Islam liberal menekankan bahawasanya jika konsep poligami diteruskan maka akan terjadinya kezaliman, ketidakadilan, dan penindasan terhadap kaum wanita. Malah, mereka akan terus memperjuangkan hak-hak kaum wanita.

Sehubungan dengan itu, apa yang dapat dihuraikan penerangan sebenar dalam Islam adalah Allah S.W.T. menciptakan wanita dan lelaki dengan kelebihan dan kelemahan masing-masing supaya saling melengkapi antara satu sama lain. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya:

Sungguh, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.

(al-Quran Surah al-Tin 95:4)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menciptakan hamba-hamba-Nya dalam bentuk sebaik-baiknya yang mempunyai persamaan, perbezaan, kelebihan, kelemahan supaya saling melengkapi di antara satu sama lain. Akan tetapi, masih ada sesetengah manusia yang tidak bersyukur atas nikmat yang dikurniakan oleh Maha Pencipta.

## 6. Kesimpulan

Isu hak asasi wanita yang diperjuangkan oleh golongan Islam liberal iaitu SIS, sebenarnya lahir dari pemikiran Barat. Mereka berpandangan bahawa Islam menghina kepada kaum wanita dan kelebihan banyak berpihak kepada kaum lelaki. Oleh itu, mereka berusaha mempertahankan hak-hak wanita dalam apa jua aspek. Malah, tafsiran ayat suci al-Quran dan hadis dijadikan bahan bukti bagi mempertahankan hujah mereka, walaupun ayat al-Quran dan hadis disalah tafsirkan. Namun, segala hujah mereka telah dijawab dalam al-Quran dan al-Sunah. Implikasi kajian menunjukkan golongan Islam liberal memahami hadis musykil tidak seperti mana fahaman para ulama dalam menterjemahkan dan membahaskan mengenai hadis musykil. Justeru itu, perjuangan golongan ini perlu dipandang serius kerana pemikiran sebegini bukanlah berasal daripada agama Islam yang sebenar dan pemikiran yang bersifat keterbukaan, kebebasan serta menjadikan keutamaan terhadap akal fikiran dalam sesuatu perkara dan menggunakan al-Quran dan al-Sunah sewenang-wenangnya perlulah dibanteras daripada terus berleluasa dalam pemikiran masyarakat Islam.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- ‘Itr, Dr. Nur al-Din, t.th., *Manhaj al-Naqd fi ‘Ulum al-Hadis*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ahmad Yumni Abu Bakar, Mohd Fairuz Jamaluddin. 2014. *Menjawab Islam Liberal: Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal (JIL) & Sisters in Islam (SIS)*. Terbitan Pertama 2014. Diterbitkan Oleh PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Budi Handrianto. 2007. *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia Pengusung Idea Sekularisme, Pluralisme, dan Liberalisme Agama*. Cetakan Kedua. Jakarta Timur: Hujjah Press, Halaman 265.
- Eko Priya Purnomo. S.I.P., M.SI. 2006. *Tanggapan terhadap Buku Islam dan Poligami, dalam Zaitunah Subhan. Membendung Liberalisme*. Jakarta: Penerbit Republika, Hlm 56.
- Hafiz Firdaus Abdullah. 2007. *Membongkar Aliran Islam Liberal*. Cet. Pertama. Penerbit, Perniagaan Jahabersa. Pencetak, Bin Halabi Press.
- Ibnu Hajar Al Asqalani, Al Imam Al Hafizh. 2009. *Fathul Bari Syarah: Shahih Bukhari /Al-Imam Al Hafidz Ibnu Hajar Al Asqalani*; penterjemah, Gazirah Abdi Ummah- Jakarta: Pustaka Azzam. hlm 370, juz1.

- Ismail Noor. 2000. *Kepimpinan Nabi Muhammad SAW. Pengurusan Altruistik Model Ikutan Sepanjang Masa Perbandingan Silang Dengan Kepimpinan dan Pengurusan Semasa*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 4.
- Khaliff Muammar. 2009. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis terhadap Wacana Islam Liberal*, edisi kedua, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, halaman 163.
- Marzuki. t.th. *Memahami Ketentuan Poligami dalam Hukum Islam*.
- Mohd Akil Muhamed Ali, Mazlan Ibrahim, Dwi Sukmanila Sayska. 2011. *Hadis "Anti Wanita" Berkenaan dengan Kehidupan Rumah Tangga: Kajian Kritik terhadap Feminis Liberal*.
- Nik Noriani Nik Badlishah 2007. *Poligami dalam Hukum Islam*. [www.sisterinislam.org.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=473&Itemid=197](http://www.sisterinislam.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=473&Itemid=197), 19 Mei 2011.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2017. *Gerakan Feminisme, Persamaan Gender dan Pemahaman Agama (Bahagian 1)*. <http://muftiwp.gov.my/ms/sumber/media/penerbitan/suara-pemikir/2155-gerakan-feminisme-persamaan-gender-dan-pemahaman-agama-bahagian-1>
- Rahimah binti Kifli. 2012. *Ayat-ayat Suruhan Allah SWT Mengenai Aurat Wanita*. <http://jakimsabah.islam.gov.my>
- Ramlah Adam. 1999. *Sumbangan Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm xi.
- Sister in Islam. 1997. *Kesopanan dan Kesederhanaan Pakaian dalam Islam*. <http://www.sistersinislam.org.my/BM/skp/08081997.htm>.
- Sister in Islam. 2000. *Kod Pakaian Terengganu*. <http://www.sistersinislam.org.my/BM>.
- Siti Musdah Mulia. 2007. *Islam Menggugat Poligami*. Di terbit atas kerjasama: Lembaga Kajian Agama dan Jender (LKAJ), The Asia Foundation, dan PT Gramedia Pustaka Utama.
- Suryadi bin Marzuki. 2014. *Aurat Wanita Muslimah: Hukum Dan Batasan Berdasarkan Pandangan Empat Mazhab*. Universiti Utara Malaysia.
- Ugi Suharto. 2007. *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-Isu Sentral*. Diterbitkan oleh Dewan Pustaka Fajar.
- Zainudin Idris. 2004. Diambil daripada petikan Zainudin Idris dalam Majalah Islam. Tajuk: *Aurat Dan Pakaian Wanita: Memahami Aurat Wanita Karangan Zainudin Idris*.
- Zaitun Mohammed Kasim. 2008. *Islam and polygamy*. 2nd ed. Petaling Jaya, Selangor: Sisters in Islam.